

BAB TIGA

PENGLIBATAN DALAM PAS

Penyingkiran beliau sebagai Ketua Kaum Ibu UMNO telah menimbulkan pelbagai persepsi ahli-ahli UMNO terhadap Khadijah. Ada yang menganggap pemecatan beliau adalah wajar kerana beliau dicap terlalu radikal, berani dan agresif. Tidak kurang juga ada yang membantah.

Tempoh yang singkat ini (dua tahun) menyebabkan beliau gagal merealisasikan cita-citanya untuk mengetengahkan pemimpin wanita. Beliau sendiri berasa sedih dan kecewa. Kesedihan yang dirasai semakin bertambah apabila suaminya meninggal dunia pada Mei 1956.¹

Selepas disingkirkan dari UMNO, Khadijah tidak menganggotai mana-mana parti sehingga pada 10 Oktober 1958 Dr. Burhanuddin mempelawa beliau supaya menyertai PAS.² Khadijah bersetuju menerima pelawaan itu.

¹ Ramlah Adam, "Dr. Hamzah Haji Taib (1900-1956)", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil 19, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 8. Rujuk Muhammad Diah Haji Wahari, "Dr. Hamzah, Patutkah Beliau Dilupakan?", Latihan Ilmiah, B.A, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 159.

² PAS ditubuhkan pada November 1951 di Seberang Perai apabila Bahagian Persatuan Ulama Malaysia UMNO menarik diri dari parti itu. Haji Ahmad Fuad Hassan sebagai Presiden telah mempengaruhi ahli-ahlinya supaya menjadi badan politik yang bebas dari UMNO. Sebagai seorang ulama penubuhan PAS baginya adalah untuk mengubah taraf persatuan politik yang berlandaskan ideologi Islam. Ramlah Adam, *Dato' Onn: Pengasas Kemerdekaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 260.

Baginya, ia merupakan satu penghormatan dan peluang untuk beliau terus memperjuangkan cita-cita politiknya.

Tambahan pula, penyertaan Khadijah dalam PAS adalah untuk menunaikan hasrat ibunya yang ingin menjadikan beliau sebagai seorang pemimpin agama. Keanggotaan Khadijah dalam PAS merupakan satu tahap penglibatan politik beliau yang sangat penting selepas UMNO. Menurutnya:

Saya rasa ideologi dan landasan perjuangan mereka paling rapat dengan rakyat dan kerana itu paling baik. Juga parti itu mendorong Kemajuan agama Islam.³

Penglibatan Dalam Pilihan Raya 1959

Perjuangan PAS pada tahun 1950-an merupakan agak bersifat perkauman dalam konteks kemelayuannya. Ini kerana hampir keseluruhan ahli-ahlinya berbangsa Melayu dan beragama Islam. Keahlian yang terhad ini ekoran daripada ideologi PAS yang memperjuangkan Islam.

Dalam perlumbagaan PAS sendiri telah mensyaratkan hanya seseorang yang beragama Islam sahaja layak menjadi ahli. Perkara ini telah termaktub dalam Perlembagaan PAS 1973, Bab 1, Fasal (1). Peraturan ini menyebabkan masyarakat bukan Islam tidak berminat untuk menyertainya. Ini menyebabkan bilangan ahli PAS sangat terhad.

Sebab inilah yang mendorong salah satu kegagalan PAS dalam pilihan raya 1955 di Dalam pilihan raya tersebut, PAS hanya memenangi satu kerusi Parlimen sahaja.⁴ Kekalahan ini mendorong Khadijah dan pemimpin-pemimpin PAS termasuklah Dr. Burhanuddin Al Helmy, Haji Hassan Adli⁵ dan Zulkifli Muhammad⁶ berkempen dengan lebih giat menjelang pilihan raya 1959.

Mereka cuba menyakinkan rakyat bahawa perjuangan PAS jelas dan berasaskan Islam. Ia bukan sekadar menegakkan Islam, malah untuk membela bangsa dan negara. Hakikat ini dibuktikan apabila PAS menghantar memorandum membantah kepada Suruhanjaya Reid.⁷ Mereka membantah hak kerakyatan *jus*

³ Ibu Khadijah Sidek, "Pejuang Nasionalis Wanita", dalam *Nadi Insan*, Mac 1980, hlm. 174.

⁴ Kamarulzaman Haji Yusof, *Perjuangan Penuh Cabaran*, Qamar Publishing, Kota Bharu, Kelantan, 1999, hlm. 3. Ahmad Zulkarnain Abdul Ghani, "Satu Kajian Ringkas Mengenai Pilihan Raya Umum 1959", Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 18.

⁵ Nama sebenar beliau ialah Haji Hassan Adli bin Haji Mohamed Arshad. Mendapat pendidikan Sekolah Pondok Al Ulum dan Al Akhlaq, Perak. Beliau pernah menjadi Timbalan Yang Dipertua PAS dan Ketua Pemuda PAS. Sidek Jamil, Transkripsi Dokumentasi Lisan Y.B. Haji Hassan Adli, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

⁶ Beliau dilahirkan pada 1928, di sebuah kampung terpencil di Kota Lama Perak. Semua adik beradiknya mendapat pendidikan Inggeris. Beliau merupakan tokoh yang disegani dalam PAS. Beliau bergiat dalam PAS pada 1956 sehingga 1964. Pada tahun 1964 beliau kembali ke rahmatullah bersama isterinya kerana terlibat dalam kemalangan jalan raya. Yahaya Ismail, *Bulan Purnama Gerhana Di Kelantan*, Dinamika Kreatif, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 12. Mohd Agil Awang, "Perkembangan PAS 1952-1969 di Kelantan", Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 100.

⁷ Suruhanjaya ini dibentuk pada awal Mei 1956 dengan diketuai oleh Lord Reid dan lima orang wakil dari India (B. Malik), Pakistan (Abdul Hamid), Australia

soli tanpa syarat, menuntut bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, menuntut sistem pendidikan berorientasikan kebangsaan dan memperjuangkan Islam sebagai agama rasmi di Tanah Melayu.⁸

Menjelang pilihan raya 1959, kedudukan PAS bertambah baik apabila menerima ahli-ahli baru yang lebih terpelajar. Kehadiran Khadijah Sidek sendiri dalam gelanggang PAS cukup menggembirakan Dr. Burhanuddin. Pengalaman politik dan bakat pidato yang dimilikinya adalah satu tiket penting untuk menjamin keutuhan pengaruh politik.

Pada pilihan raya 1959, PAS telah dapat menawan menawan 13 kerusi Parlimen di Terengganu dan 28 kerusi Parlimen di Kelantan. Kejayaan ini sekaligus melayakkan PAS mentadbir kedua-dua negeri tersebut sehingga 1961.⁹ Selain daripada faktor pemimpin, kemenangan ini berpunca daripada kelalaian dan sikap tidak bersungguh-sungguh UMNO menghadapi kempen PAS kerana menganggap Parti Negara lebih berpengaruh.¹⁰

(Sir William Mckell) dan United Kingdom (Sir Ivor Jennings). Mereka dilantik oleh British dan PERIKATAN untuk membuat cadangan Perlembagaan Tanah Melayu untuk mendapatkan pandangan yang tidak sebelah. Diane K. Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 47.

⁸ Diane K. Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm. 47. Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 171.

⁹ R. K. Vasil, *The Malaysian Parliamentary General Election of 1969*, Oxford University Press, London, 1972, hlm. 6.

Dengan kemenangan itu, Khadijah dilantik sebagai wakil rakyat kawasan Dungun, Terengganu. Pada masa yang sama juga beliau telah diberi kepercayaan memegang jawatan Ketua Dewan Muslimat PAS.

Pemimpin Dewan Muslimat PAS

Dewan Muslimat ditubuhkan secara rasmi pada 3 Januari 1953.¹¹ Penubuhan ini serentak dengan penubuhan Dewan Ulama dan Dewan Pemuda dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali pertama di Kepala Batas Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

Pada awalnya Dewan Muslimat diterajui oleh Puan Sharifah Rahmah¹² dan ditadbir oleh Jawatankuasa Dewan Muslimat. Untuk membolehkan Dewan Muslimat bergerak secara teratur, satu peruntukan di bawah Peraturan Kecil Dewan Muslimat PAS telah dirangka dan disahkan oleh Jawatankuasa Agung PAS.

¹⁰ K. J Ratnam dan R. S Milne, *The Malayan Parliamentary Election of 1964*, University Of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1967, hlm.17. Ahmad Zulkarnain Abdul Ghani, “Satu Kajian Ringkas Pilihan Raya 1959”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 18.

¹¹ Dewan Muslimat PAS Pusat, “Halwa Perjuangan DMPP Edisi 2001”, Kertas Kerja Sempena Sambutan Jubli Emas PAS, September 2001, Lajnah Penerangan dan Hal Ehwal Dewan Muslimat, Selangor, hlm. 5.

¹². Tempoh perkhidmatan beliau dalam Dewan Muslimat ialah selama dua tahun sahaja. Dewan Muslimat PAS, “Mustika Kenangan”, 10-11 November 1985, Lajnah Penerangan dan Hal Ehwal Dewan Muslimat PAS Pusat, Selangor, hlm. 23. Temuramah bersama Ustazah Zabidah Ali. Beliau adalah bekas Ketua Dewan

Visi Dewan Muslimat PAS jelas dan tegas “Tertegaknya Daulah Islamiyah Di Malaysia Menerusi Tenaga Muslimat”. Perkembangan Dewan Muslimat berlaku agak perlahan. Pada 1953, hanya terdapat 68 orang ahli sahaja berdaftar. Sambutan dari wanita-wanita Melayu agak hambar kerana mereka lebih berminat menganggotai Pergerakan Kaum Ibu UMNO. Ini kerana pertubuhan itu memainkan peranan yang lebih aktif daripada pertubuhan-pertubuhan wanita lain.¹³

Sehingga 1958, Dewan Muslimat hanya mempunyai sekitar 700-800 orang ahli sahaja. Aktivitinya agak terhad melibatkan seperti keagamaan, latihan kemahiran seperti menjahit, memasak dan kelas kraftangan. Sehingga 1959, kedudukan Dewan Muslimat masih lagi tidak berubah. Ini menyebabkan banyak program yang dirancang tidak dapat dijalankan kerana kelemahan kepimpinan dan kewangan.

Ahli-ahlinya pula mempunyai tahap pendidikan yang rendah dan pengetahuan dalam berorganisasi adalah terbatas.¹⁴ Pada tahun 1963 Khadijah

Muslimat yang kedua. Temuramah diadakan di rumahnya, Sg.Udang Klang, Selangor pada 5 Januari 2002.

¹³ Lenore Manderson, *Wanita, Perubahan dan Politik: Pergerakan Kaum Ibu UMNO 1945-1972* (terjemahan Shamsuddin Jaapar), Penerbit Fajar Bakti, Selangor, 1981, hlm. 300. Virginia H. Danez, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, East Asian Social Science Monographs, Oxford University Press, Singapore, 1987, hlm. 133.

¹⁴ Dewan Muslimat PAS Pusat, Penyata Tahunan 1959, hlm. 8 . Zawiyah Ariffin, “Dewan Muslimat PAS Pusat 1953-1991”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991/1992, hlm. 20. Temuramah bersama tokoh

telah dilantik sebagai Ketua Dewan Muslimat. Khadijah merupakan Ketua Dewan Muslimat yang kelima daripada lapan orang yang telah dilantik semenjak ia ditubuhkan.

Sebelum ini beliau telah diamanahkan sebagai pengurus tetap Dewan Muslimat yang telah dilantik dalam kongres kedua PAS pada 27 Disember 1958.¹⁵

Pada masa itu keahlian Dewan Muslimat telah mencapai 3000 orang. Jumlah keahlian bertambah setelah Khadijah memenangi pilihan raya persekutuan pada tahun 1959. Khadijah Sidek berjaya menarik lebih ramai wanita menyertai PAS dengan giat berkempen. Sehingga pada tahun 1966, jumlah ahli Dewan Muslimat meningkat kepada 8,454 orang.¹⁶

Khadijah juga berusaha memperkemas organisasi Dewan Muslimat. Pada September 1959, beliau telah menubuhkan empat cawangan Dewan Muslimat iaitu Dewan Muslimat cawangan Merbuk, cawangan Guar Cempedak, cawangan Langgar Mukim Bujang dan cawangan Jeniang.¹⁷

veteran PAS antaranya ialah Ustazah Hayati Hassan, bekas Setiusaha Dewan Muslimat PAS di rumahnya Taman Melewar Gombak, Selangor, 12 November 2001.

¹⁵ *Utusan Melayu*, 28 Disember 1958.

¹⁶ *Utusan Melayu*, 6 November 1959. Rujuk SP 53, Surat-Surat Persendirian Khadijah Sidek, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

¹⁷ *Utusan Melayu*, 6 Oktober 1959.

Namun begitu, perjalanan Dewan Muslimat pada 1960-an masih tidak aktif terutamanya di peringkat cawangan. Kekurangan pemimpin di peringkat cawangan menyebabkan ahli-ahlinya bergantung kepada pemimpin di peringkat Pusat.¹⁸

Jadual 1-Ketua Dewan Muslimat 1953-Kini

Tahun	Nama	Negeri Asal
1953	Sharifah Rahmah	-
1956-1960	Siti Zubaidah Ali	Seberang Perai
1959-1962	Zaharah Othman	Selangor
1963-1964	Salmah Sheikh Hussien	Pulau Pinang
1965-1981	Sakinah Junid	Perak
1981-1983	Sakinah Junid	Perak
1983-1992	Wan Asma' Abdul Kadir	Kelantan
1992-2001	Hajjah Jamilah Ibrahim	Kedah
2001-kini	Fatimah Ibrahim	Terengganu

(Sumber: Dewan Muslimat PAS Pusat, "Halwa Perjuangan DMPP Edisi 2001", Kertas Kerja Sempena Jubli Emas PAS, September 2001, Lajnah Penerangan dan Hal Ehwal Luar Dewan Muslimat, Selangor, hlm. 8.)

¹⁸ Dewan Muslimat PAS Pusat, "Halwa Perjuangan DMPP Edisi 2001", Kertas Kerja Sempena Sambutan Jubli Emas PAS, September 2001, Lajnah Penerangan dan Hal Ehwal Luar Dewan Muslimat PAS Pusat. hlm. 5. Temuramah bersama Ustaz Hassan Syukri, di Taman Melewar, Gombak, Selangor, pada 12 November 2001.

Ahli Parlimen

PAS di Terengganu dapat membentuk kerajaan apabila memenangi pilihan raya 1959. Sebagai wakil rakyat kawasan Dungun beliau besama-sama pemimpin-pemimpin PAS yang lain mengembangtenaga untuk mengembalikan kembali kepercayaan rakyat terhadap PAS. Pada awal penglibatan Khadijah dalam PAS, beliau lebih cenderung dalam memajukan kawasan luar bandar.

Dalam perbahasannya di Parlimen pada 1959, Khadijah Sidek telah mengemukakan masalah mengenai kemerosotan perusahaan tembaga di Terengganu. Beliau meminta Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesenian Dan Pelancongan terus membantu mempromosikan perusahaan ini supaya lebih maju. Beliau juga meminta supaya kementerian tersebut mengkaji halangan-halangan yang menyebabkan perusahaan ini merosot.¹⁹

Dalam perbahasan itu juga, beliau telah mencadangkan agar pelajar perempuan selepas darjah enam dari sekolah Melayu diberi peluang mengikuti kursus kejururawatan. Ini adalah kerana sebelum ini hanya pelajar yang tamat LCE (*Lower Certificate Education*) sahaja yang dibenarkan mengikuti kursus ini. Ini menghalang pelajar-pelajar luar bandar yang tidak mempunyai kelulusan LCE untuk berbuat demikian.²⁰

¹⁹ Federation of Malaya, *Parliamentary Debates, Dewan Rakyat* Vol. 1, First Session, September 1959-February 1960, ‘The Supply Bill’, 5 December 1959.

Khadijah turut mengusulkan agar bahasa Inggeris tidak dijadikan syarat utama untuk memasuki pusat kejururawatan ini. Pelajar lulusan sekolah Melayu selalunya gagal untuk menjadi jururawat kerana kurang mahir berbahasa Inggeris berbanding dengan pelajar sekolah Inggeris.²¹

Menurutnya lagi, pelajar-pelajar darjah enam sekolah Melayu boleh menjadi pembantu jururawat terlebih dahulu sebelum menjadi jururawat. Tetapi mereka mestilah diberi latihan selama tiga tahun. Selepas itu mereka akan ditempatkan di mana-mana negeri yang telah ditentukan. Namun ada segelintir daripada mereka yang datang dari bandar selalunya enggan berkhidmat di kampung-kampung kerana tidak biasa dengan suasana kampung.

Khadijah menjelaskan sekiranya keadaan ini berterusan, ia akan merugikan kerajaan kerana perbelanjaan untuk menyediakan pusat-pusat latihan dan elaun untuk jururawat pelatih memerlukan kos yang tinggi. Justeru Khadijah meminta supaya kerajaan bertindak lebih tegas dalam menangani masalah ini.²²

Beliau juga menyentuh potensi perusahaan kampung yang mampu diusahakan oleh wanita tempatan. Antaranya pemeliharaan ulat sutera. Baginya

²⁰ Federation of Malaya, *Parliamentary Debates, Dewan Rakyat*, Vol.1, First Session, September 1959-January 1960, 'Entry Into Government Trainning School For Nurses And Midwives', 14 September 1959.

²¹ *Ibid.*

²² *Ibid.*

perusahaan ini mendatangkan peluang ekonomi yang menguntungkan. Di samping ulat sutera, beliau menggalakkan penanaman bunga dan serai wangi. Menurutnya lagi, perusahaan ini boleh dijadikan sebagai kegiatan ekonomi sampingan untuk menambahkan pendapatan keluarga.²³

Dalam perbahasan di Parlimen, beliau turut menggesa kerajaan pusat supaya mendirikan lebih banyak pusat kesihatan di Terengganu. Penduduk Terengganu tidak mendapat rawatan yang secukupnya. Ini kerana pusat kesihatan dan doktor tidak mencukupi.

Akibatnya, wabak penyakit berbahaya seperti kepialu, taun, malaria merebak dengan cepat. Ini menyebabkan mereka tidak dapat menikmati hidup dengan selesa. Khadijah menuntut kerajaan Persekutuan supaya lebih prihatin dengan masalah ini, walaupun Terengganu diperintah oleh parti pembangkang. Tetapi baginya konsep federalisme²⁴ harus dilaksanakan dengan adil dan telus.

²³ Federation of Malaya, *Parliamentary Debates, Dewan Rakyat*, Vol.1, First Session, September 1959-February 1960, 'The Supply Bill', 5 December 1959.

²⁴ Sejarah federalisme di Tanah Melayu sebelum 1948 merupakan percubaan British terhadap pemusatan melalui sistem federalisme untuk mendapatkan keseragaman dasar dan kelincinan pentadbiran. Sehingga kini perlembagaan Malaysia telah menggariskan sistem federalisme dengan memperuntukkan pembahagian kuasa antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Pembahagian kuasa berkenaan memperuntukkan hak senarai persekutuan, senarai negeri dan senarai bersama. Perlaksanaan sistem ini juga bertujuan untuk menyelesaikan pertelingkahan yang timbul. Rujuk B. Simandjuntak, *Federalisme Tanah Melayu (1945-1963): Satu Kajian Mengenai Masalah-Masalah Persekutuan Di dalam Masyarakat Majmuk*, Penerbit Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1985, hlm. 323-324. Lihat juga Shaikh Mohd Nor Alam S. M. Hussain,

Khadijah boleh dikatakan mengambil bahagian dalam hampir setiap persidangan. Beliau sering mengkritik dasar kerajaan dan selain itu pula memberi buah fikirannya dalam sesuatu isu. Antara isu yang sering diperdebatkan oleh Khadijah ialah masalah kemunduran, kemiskinan masyarakat luar bandar, isu-isu semasa dan isu global.

Dr. Burhanuddin turut mengakui hal ini. Dalam ucapannya di Dewan Rakyat pada 25 April 1961, beliau telah membangkitkan layanan yang tidak memuaskan kerajaan Perikatan kepada kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu pimpinan PAS. Beliau mendapati tidak ada peruntukan yang seimbang dan jelas kepada Kelantan dan Terengganu. Beliau menuntut supaya pembelaan kebijakan rakyat dibuat sama rata tanpa mengira parti.²⁵

Cadangan ini dikemukakan sebagai hujah untuk menafikan tuduhan PERIKATAN yang mendakwa PAS gagal memajukan Terengganu dan Kelantan. Pemimpin-pemimpin PAS juga dikatakan tidak merencana pembangunan dan tidak menitikberatkan agama Islam sebagaimana yang dilaung-laungkan dalam manifesto PAS.²⁶

Federalisme di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 1-6.

²⁵ Federation of Malaya, *Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Official Report*, Vol. 111 April to August 1961, 'The Development Estimates 1961'.

²⁶ Manifesto PAS untuk penggal kedua (1964-1969) ialah penerusan projek yang tergendala semasa penggal pertama (1959-1964). Antaranya ialah pembukaan tanah baru kira-kira 200,000 ekar melalui Lembaga Kemajuan Tanah Negeri yang melibatkan hampir 50% di jajahan Tanah Merah dan Ulu Kelantan. PAS juga

Dalam perbahasannya di Parlimen pada 20 April 1960 juga, Khadijah telah mencadangkan agar kemudahan komunikasi dimajukan seperti perkhidmatan Telekom dan perkhidmatan Pos kerana ia amat penting terutamanya di kawasan luar Bandar yang kekurangan kemudahan awam. Manakala dalam aspek kesihatan pula, Khadijah seringkali mengemukakan agar pihak kementerian dapat memajukan taraf kesihatan di kawasan luar Bandar terutamanya dikawasan Dungun dengan mendirikan lebih banyak hospital dan kakitangannya.

Khadijah juga menyokong hujah Dr. Burhanuddin yang menentang *The Social and Welfare Services Lotteries Board Ordinance 1950*. Beliau menentang keras kerana penggunaan loteri itu bertentangan dengan hukum Islam.²⁷ Beliau tidak bersetuju penggunaan wang loteri itu digunakan untuk kebajikan kerana wang itu datangnya dari sumber yang haram.

berazam untuk menyiapkan Jambatan Sultan Yahaya Petra yang menelan belanja RM 5 juta tanpa bantuan kerajaan pusat. Antara lain ialah penubuhan pusat pengajian tinggi di Nilam Puri. Projek pembangunan ini merupakan rancangan kerajaan PAS sejak 1964 dan ia hanya berjaya disiapkan pada 1969. Rujuk Mohd Agil Awang, “Perkembangan PAS di Kelantan 1952-1969”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976/1977, hlm. 123.

²⁷ Penggunaan loteri ini menimbulkan isu utama perdebatan UMNO dan PAS pada masa itu. PAS membantah sekeras-kerasnya penggunaan loteri itu biarpun digunakan untuk tujuan kebajikan. PAS turut menghujah bahawa loteri itu tidak dibenarkan dalam Islam, sebagaimana firman Allah dalam Al Quran, bermaksud “Sesungguhnya Syaitan itu bermaksud hendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu lantaran meminum (Khamar) dan berjudi itu, dan menghalangi kamu dari mengingati Allah dan sembahyang. Maka berhentilah kamu dari mengerjakan pekerjaan itu”. (Surah Al-Maidah: Ayat 91). Dipetik daripada Abbasi dan S.M. Madni, *Rezeki Yang Haram Menurut Pandangan Islam* (terjemahan Elias Ismail), Darul Nu'man, Kuala Lumpur, 1991, hlm.48-49.

Sebagai wakil rakyat Terengganu, beliau turut prihatin dengan isu semasa. Ini dibuktikan apabila beliau turut menyokong usaha Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman menentang dasar Apartheid di Afrika Selatan.

Dasar Apartheid ialah isu pencabulan hak asasi manusia menganaktirikan golongan yang berkulit hitam di Afrika Selatan. Sehubungan dengan itu dalam usulnya di Parlimen pada 27 Jun 1960, beliau menyeru agar masyarakat Tanah Melayu sama-sama memberikan bantuan kemanusiaan kepada mangsa Apartheid.

Khadijah juga menyatakan rasa ketidakpuasan hatinya dalam perbahasan Parlimen pada 11 Ogos 1960. Dalam perbahasan ini beliau meminta kerajaan supaya lebih peka kepada soal pembelajaran wanita luar Bandar di peringkat sekolah. Beliau juga berharap agar kerajaan menambah peruntukan pendidikan kepada wanita. Dalam Rancangan Lima Tahun yang kedua pula, Khadijah mendesak supaya pihak kerajaan dapat memperuntukkan RM 190 juta bagi memajukan taraf pendidikan dan menyediakan kemudahan awam.

Sebagai seorang ahli Parlimen yang prihatin dan sensitif kepada isu-isu semasa, Khadijah merasa sangat terkilan apabila PAS dikaitkan dengan pro-Rusia. Beliau menangkis tuduhan itu dengan menyatakan bahawa PAS tidak memihak mana-mana pihak. Justeru itu pada 29 September 1960, Khadijah meminta supaya jumlah askar yang dihantar ke Congo dikurangkan sebanyak 363 orang daripada jumlah asalnya 613 orang.

Kelantangan Khadijah berhujah di Parlimen telah menyebabkan beliau dipandang negatif. Di samping membahaskan perkara-perkara penting, beliau juga sering menimbulkan isu-isu yang remeh-temeh. Justeru itulah, ucapannya kadang-kala menjadi bahan ejekan dan bahan ketawa orang lain.

Penglibatan Dalam Pilihan Raya 1964

Dalam Pilihan Raya 1964, Khadijah sekali lagi bertanding atas tiket PAS. Beliau bertanding di kawasan Parlimen Mersing dan kawasan Dewan Undangan Negeri Plentong. Beliau bersaing hebat dengan Puan Hasnah Ahmad dari Perikatan dan Ng Tong dari Parti Sosialis.

Khadijah merasa begitu yakin untuk menang dalam pilihan raya kali ini. Beliau berusaha untuk mendapatkan sokongan daripada rakyat Johor. Tambahan pula pada masa itu bilangan wanita Muslimat sudah agak ramai.

Jadual 2 –Keputusan Pilihan Raya 1964 di Kawasan DUN Plentong (Johor)

Nama Calon	Parti	Jumlah Undi
Hasnah Ahmad	PERIKATAN	6601
Khadijah Sidek	PAS	687
Ng Tong Seng	Sosialis	2492

(Sumber; Lampiran G, Pilihan Raya Negeri 1964, *Penyata Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Kawasan Negeri 1964*, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1965.)

Sementara itu di Parlimen Johor Timur (Mersing), Khadijah bersaing dengan Dato' Dr. Ismail calon dari Perikatan.

Jadual 3-Keputusan Pilihan Raya Parlimen Kws. Johor Timur (Mersing)

Nama Calon	Parti	Jumlah Undi
Dato' Dr. Ismail	PERIKATAN	10,331
Khadijah Sidek	PAS	909

(Sumber : Lampiran G, Pilihan Raya Negeri 1964, *Penyata Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat), dan Kawasan Negeri 1964*, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1965.)

Berdasarkan keputusan pilihan raya ini, Khadijah kalah teruk. Kekalahan ini memang telah diduga kerana UMNO sememangnya bertapak kuat di Johor. Dengan kekalahan ini juga, pengaruh PAS turut merosot. Undi PAS turut merosot di kubunya terutama di Kelantan dan Terengganu. PAS hanya memenangi sembilan daripada 104 kerusi yang dipertandingkan di Kelantan.²⁸

Kekalahan ini berpunca konflik dalaman parti itu sendiri. Konflik itu timbul apabila seorang wakil rakyat PAS Haji Ahmad Azam Hanafiah²⁹ berkecil

²⁸ K. J. Ratnam dan R. S. Milne, *The Malayan Parliamentary Election of 1964*, University of Malaya Press, Singapore, 1967, hlm. 361. R. K. Vasil, *The Malaysian General Election Of 1969*, Oxford University Press, London, 1972, hlm. 88.

²⁹ Beliau merupakan seorang tokoh PAS yang agak berpengaruh. Beliau pernah menjadi Pesuruhjaya PAS Pulau-Pinang, Terengganu dan Seberang Perai. Beliau juga pernah dilantik sebagai ADUN dan EXCO Terengganu. Mohd Soud Said,

hati kerana tidak dilantik sebagai Menteri Besar Terengganu. Beliau berasal dari Perak dan merasa beliaulah sepatutnya memegang jawatan itu, tetapi beliau tidak dilantik kerana dianggap bukan anak negeri.

Keadaan bertambah teruk apabila Haji Ahmad Azam mengambil keputusan untuk keluar dari PAS.³⁰ Ini diikuti oleh wakil rakyat PAS yang lain iaitu Muhammad Ismail dan Hussin Jusoh mengambil keputusan untuk keluar beramai-ramai dan menganggotai UMNO. Masalah dalaman ini memberi peluang kepada UMNO untuk mengalahkan PAS.

Imej PAS sebagai parti pembangkang turut terjejas apabila beberapa pemimpin PAS turut ditahan di bawah ISA (*Internal Security Act*) pada November 1963.³¹ Penangkapan ini turut memberi pandangan negatif masyarakat terhadap PAS.

Pendedahan kerajaan Perikatan terhadap kegiatan Dr. Burhanuddin membantu Indonesia dalam usaha untuk menjatuhkan kerajaan turut menjelaskan imej pemimpin PAS itu. Di samping itu Dr. Burhanuddin juga dikatakan sebagai

³⁰ “Sejarah Dewan Muslimat PAS dan Sumbangannya Dalam Politik Malaysia, Satu Kajian di Terengganu”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Syariah, Universiti Malaya, 1998/1999, hlm. 43.

³¹ Berita Harian, 23 Julai 1961.

³¹ Antara tokoh-tokoh PAS yang ditahan ialah Haji Omar Haji Daud, Haji Hassan Haji Ismail, Haji Abu Bakar Haji Abdul Rahman dan Haji Yaakub Ishak Rujuk Ramli Adam, *Burhanuddin Al Helmy: Suatu Kemetua Politik*, hlm. 26. Mohd

pemimpin radikal apabila beliau didakwa menubuhkan sebuah syarikat di Sumatera bagi membiayai kegiatan politiknya.³²

Turut mendorong kepada kekalahan PAS dalam pilihan raya 1964 ialah apabila PAS dikaitkan dengan Parti Komunis Indonesia. Kerjasama ini dilihat sebagai satu sokongan terhadap A.M. Azhari, Presiden Parti Rakyat di Brunei yang menentang penubuhan Malaysia.

Tunku Abdul Razak secara terbuka memuduh PAS sebagai penyokong Parti Komunis Indonesia. Tuduhan ini dinafikan sekeras-kerasnya oleh Dr. Burhanuddin dalam ucapan Mesyuarat Agong PAS kali ke 12. Beliau mendakwa tuduhan Tun Abdul Razak tidak benar dan menegaskan bahawa PAS inginkan Perdamaian. Menurutnya lagi, PAS ingin melihat kerjasama Malaysia sebagaimana wujudnya MAPHILINDO (Malaysia, Filipina dan Indonesia) sebagai satu konsep persaudaraan bagi negara-negara yang berbaka Melayu.

Berkenaan dengan kaitan PAS dengan Komunis, Dr. Burhanuddin menjelaskan Komunis bukan hanya gerakan ganas semata-mata, tetapi ia adalah

Agil Awang, "Perkembangan PAS 1952-1969 Di Kelantan", Latihan Ilmiah B.A, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976/77, hlm. 102.

³² Berita Harian, 23 April 1964. Yahaya Ismail, *Bulan Purnama Gerhana Di Kelantan*, Dinamika Kreatif, Kuala Lumpur, 1928, hlm. 13. K. J. Ratnam dan R. S Milne, *The Malayan Parliamentary Election of 1964*, hlm. 112.

satu isme politik yang menjadi kontra demokrasi malah musuh bagi Islam sendiri.³³

Ahli-ahli PAS masih lagi mempercayai kepimpinan dan mengakui kebenaran perjuangan Dr .Burhanuddin. Namun begitu, PAS tidak mampu berbuat banyak untuk menangkis tuduhan itu kerana PAS bukan parti pemerintah yang menguasai semua agensi dan jentera kerajaan. Akhbar-akhbar utama seperti Berita Harian dan akhbar Inggeris yang lain tidak dikuasai mereka. Oleh itu mereka tidak dapat menyalurkan pandangan kepada orang ramai.

Ketika PAS menghadapi konflik demi konflik, sekali lagi PAS dikejutkan dengan berita kematian dua pemimpin yang berpengaruh iaitu Zulkifli Muhammad dan isterinya Ustazah Asiah Kamaruddin. Mereka terlibat dalam kemalangan jalan raya di Kuantan, Pahang pada 6 Mei 1964 semasa dalam perjalanan dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur.³⁴ Kematian kedua-duanya merupakan satu kehilangan besar kepada PAS.

³³ Sila lihat teks ucapan Dr. Burhanuddin sempena pembukaan Mesyuarat Agong PAS kali ke 12, Ogos 1964.

³⁴ N. J Funston, *Malay Politics in Malaysia, A Study of the United Malays National Organisation and Party Islam*, Heinemann Educational Books Asia Ltd.,

Keluar Dari PAS

Kekalahan Khadijah dalam pilihan raya 1964 menyebabkan beliau merasa tidak lagi berminat kepada PAS. Faktor lain yang turut mendorong Khadijah keluar dari PAS ialah kerana beliau tidak sependapat dengan Datuk Asri. Menurut dakwaan Khadijah, beliau mengatakan Dato'Asri selaku pemimpin PAS tidak pernah mengotakan janjinya kepada rakyat Kelantan seperti yang digariskan dalam manifesto PAS.³⁵

Ekoran daripada salah faham yang berlaku menjelang pilihan raya 1964 dahulu, Dato' Asri³⁶ tidak membenarkan Khadijah bertanding di Kelantan. Dato' Asri mencadangkan sedemikian kerana pada masa itu orang Kelantan sukar menerima calon dari negeri lain. Khadijah keluar dari PAS setelah kecewa apabila pemintaan beliau untuk bertanding di Kelantan tidak dilayan. Menurutnya:

Kuala Lumpur, 1980, hlm. 123. Kamarulzaman Haji Yusof, *Perjuangan Penuh Cabaran*, Qamar Publishing, Kota Bharu, Kelantan, 1999, hlm. 36.

³⁵ *Utusan Malaysia*, 15 April 1969.

³⁶ Dato' Asri dilahirkan di Kampung Masjid, Kota Bharu, Kelantan pada Oktober 1923. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah agama, Melayu dan Inggeris di Sekolah Majlis Agama Islam Kelantan. Pada tahun 1954 beliau telah dilantik menjadi Setiausaha Agung PAS dan pada tahun 1964 beliau diamanahkan sebagai Menteri Besar Kelantan. Beliau meletak jawatan tersebut pada 31 Disember 1972. Alias Mohamed, *Sejarah Perjuangan PAS*, Gateway Publishing House, Kuala Lumpur, 1987, hlm. 137. Alias Mohamed, *Sejarah Perjuangan Parti PAS: Suatu Dilemma*, Utusan Publications and Distributors, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 96.

*Pihak Muslimat minta ibu bertanding tetapi ditentang oleh Asri, kononnya bukan kaum ibu yang menang pilihan raya, tetapi pihak alim ulama*³⁷

Kegagalan beliau untuk merebut jawatan Ketua Dewan Muslimat bagi sesi 1965/1966 juga menyebabkan beliau merasa tidak ada faedahnya lagi beliau berada lebih lama dalam parti itu. Lebih-lebih lagi orang yang banyak memberi sokongan kepadanya iaitu Dr. Burhanuddin Al Helmy dan Zulkifli Mohammad sudah tiada lagi.

Dalam ucapannya dalam Kongres Muslimat PAS kali ke sembilan yang diadakan pada 12 Ogos 1966, Khadijah mengatakan bahawa beliau tidak dapat melaksanakan tugas-tugas sebagai Ketua Dewan Muslimat dengan lancar kerana masalah kesihatan.

Khadijah keluar dari PAS apabila merasa goyah kerana cita-cita politiknya tidak disokong oleh pemimpin atasan. Sikap agresif dan keras hati beliau, menyebabkan beliau dipandang sebagai seorang pemimpin yang tidak berhemah tinggi dan tidak berfikiran terbuka.³⁸

³⁷ Ibu Khadijah Sidek, "Pejuang Nasionalis Wanita", dalam *Nadi Insan*, Mac 1980, hlm. 10-11.

³⁸ Lenore Manderson, *Wanita Politik dan Perubahan: Pergerakan Ketua Kaum Ibu UMNO 1945-1972* (terjemahan Shamsuddin Jaapar), hlm. 171. Temuramah dengan Hajah Aishah Ghani di pejabat Syarikat Jaya Murni, Kampung Baru Kuala Lumpur pada 10 Januari 2002.

Keluar Dari PAS

Kekalahan Khadijah dalam pilihan raya 1964 menyebabkan beliau merasa tidak lagi berminat kepada PAS. Faktor lain yang turut mendorong Khadijah keluar dari PAS ialah kerana beliau tidak sependapat dengan Datuk Asri. Menurut dakwaan Khadijah, beliau mengatakan Dato'Asri selaku pemimpin PAS tidak pernah mengotakan janjinya kepada rakyat Kelantan seperti yang digariskan dalam manifesto PAS.³⁵

Ekoran daripada salah faham yang berlaku menjelang pilihan raya 1964 dahulu, Dato' Asri³⁶ tidak membenarkan Khadijah bertanding di Kelantan. Dato' Asri mencadangkan sedemikian kerana pada masa itu orang Kelantan sukar menerima calon dari negeri lain. Khadijah keluar dari PAS setelah kecewa apabila pemintaan beliau untuk bertanding di Kelantan tidak dilayan. Menurutnya:

Kuala Lumpur, 1980, hlm. 123. Kamarulzaman Haji Yusof, *Perjuangan Penuh Cabaran*, Qamar Publishing, Kota Bharu, Kelantan, 1999, hlm. 36.

³⁵ Utusan Malaysia, 15 April 1969.

³⁶ Dato' Asri dilahirkan di Kampung Masjid, Kota Bharu, Kelantan pada Oktober 1923. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah agama, Melayu dan Inggeris di Sekolah Majlis Agama Islam Kelantan. Pada tahun 1954 beliau telah dilantik menjadi Setiausaha Agung PAS dan pada tahun 1964 beliau diamanahkan sebagai Menteri Besar Kelantan. Beliau meletak jawatan tersebut pada 31 Disember 1972. Alias Mohamed, *Sejarah Perjuangan PAS*, Gateway Publishing House, Kuala Lumpur, 1987, hlm. 137. Alias Mohamed, *Sejarah Perjuangan Parti PAS: Suatu Dilemma*, Utusan Publications and Distributors, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 96.

Menurut tokoh-tokoh yang seangkatan dengan Khadijah Sidek, mereka menyifatkan Khadijah degil dan sukar menerima pandangan orang lain. Sikap tidak sabar dan terburu-buru beliau menyebabkan ahli-ahli PAS meminggirkan beliau.

Secara kesimpulannya, Khadijah agak terpandang berbanding tokoh-tokoh wanita PAS yang lain. Ini kerana sikapnya yang kerap bersuara lantang, berani mengkritik kerajaan dan sentiasa giat berusaha untuk memajukan parti. Sebagai Ketua Dewan Muslimat juga beliau seorang yang gigih dan cekal berkempen untuk menambahkan ahli-ahli PAS. Peranan Khadijah yang utama ialah mengorbarkan semangat, terutamanya di kalangan wanita PAS.

Semasa menjadi ahli Parlimen Dungun pula, beliau seorang yang aktif. Beliau sentiasa mengutarakan isu-isu semasa dan menghangatkan suasana dengan kritikan-kritikan yang panas. Antara isu yang pernah dibentangkan oleh beliau ialah mengkritik kerajaan yang menggunakan kekerasan semasa menghadapi konfrontasi dengan Indonesia, membangunkan kemajuan luar bandar, membela wanita dan sebagainya.